

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	PENJARA 5 TAHUN, DENDA SEHINGGA RM100,000 LUPUS SAMPAH HARAM
	SUMBER	BH (25 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (NASIONAL)

Sidang DUN Selangor

Penjara 5 tahun, denda sehingga RM100,000 lupus sampah haram

Kerajaan negeri, Persekutuan masih runding meratifikasi akta

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Individu atau syarikat dan pemilik syarikat yang melupuskan sampah secara haram di negeri ini akan didenda antara RM10,000 sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak kurang lima tahun apabila Kerajaan Selangor meratifikasi Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

EXCO Pelancongan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ng Suee Lim, berkata kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan masih di peringkat rundingan untuk meratifikasi akta itu bagi memastikan pengurusan dan pelupusan sampah lebih baik.

Katanya, akta itu membatik apa-apa sampah haram sama ada sampah domestik atau sampah pukal atau sampah industri yang melebihi 10 tan.

"Akta ini kalau kita berjaya meratifikasi, kita akan menggunakan undang-undang yang



Hukuman lebih ketat mampu pastikan pengurusan dan pelupusan sampah leboh baik.

(Foto hiasan)

ada dalam akta itu untuk melaksanakan penguatkuasaan dan hukuman sehingga RM100,000 dan penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," katanya ketika mengulung perbahasan pada Mesyuarat Pertama Penggal Ketiga Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor Ke-15, semalam.

Kompaun terlalu ringan

Suee Lim yang juga ADUN Sekeinan turut mengakui kelemahan dalam Undang-Undang Kecil Pungutan, Pembuangan

Sampah dan Pelupusan Sampah Sarap 2007 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memperuntukkan hukuman denda RM1,000.

"Tetapi memang RM1,000 saja denda. Ini undang-undang sedia ada. Justeru, undang-undang itu secara jujurinya memang tidak dapat menghalang mereka daripada melakukan pembuangan sampah secara haram, sebab kompaun terlalu ringan," katanya.

Terdahulu, ADUN Ijok, Jeffrey Mejan ketika mencelah dalam penggulungan oleh Suee

Lim mempersoal nilai RM1,000 atau RM2,000 memadai sebagai kompaun yang dikenakan kepada orang yang tidak bertanggungjawab membuang sampah, kerana nilainya terlalu kecil.

Pandangan itu dipersetujui ADUN Kuang, Mohd Rafiq Mohd Abdullah yang mendakwa operasi pemadaman api di tapak pelupusan sampah haram berhampir piringan Kampung Orang Asli di Hulu Kuang menelan belanja lebih RM100,000.

Media pada awal bulan ini melaporkan, Jemaah Menteri melu-

Tetapi memang RM1,000 saja denda. Ini undang-undang sedia ada. Justeru, undang-undang itu secara jujurinya memang tidak dapat menghalang mereka daripada melakukan pembuangan sampah secara haram

Ng Suee Lim, EXCO Pelancongan dan Kerajaan Tempatan



luskan kemasukan Selangor dan Pulau Pinang sebagai dua negeri terkini untuk menggunakan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming, berkata kelulusan yang diberikan dalam mesyuarat Kabinet itu masih peringkat keputusan dasar dan memerlukan rundingan lanjut dengan kerajaan di kedua-dua negeri itu.

2.	TAJUK	BAS EV KURANGKAN 700KG KARBON DIOKSIDA SEHARI
	SUMBER	BH (25 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	19 (NASIONAL)

Bas EV kurangkan 700kg karbon dioksida sehari

Penggunaan akan diperluas sekitar kawasan SGKV berikutan kesan baik kepada alam sekitar, jimat kos

Oleh Norzamira Che Noh
bnnews@bh.com.my

Shah Alam: Penggunaan bas elektrik (EV) bagi program Bas Smart Selangor, laluan Seksyen 19 ke Seksyen 7, dekat sini, sejak Disember lalu, berjaya mengurangkan kira-kira 700 kilogram (kg) karbon dioksida sehari. Justeru, Menteri Besar Selan-

gor, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata penggunaan bas berkenaan akan diperluas, terutama di sekitar kawasan Lembah Klang Raya Selangor (SGKV) berikutan kesannya yang baik kepada alam sekitar, selain menjimatkan kos.

43,000 penumpang sebulan

Katanya, penggunaan bas EV dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), beroperasi jam 6 pagi hingga 10 malam, dengan kekerapan setiap 30 minit, manakala 15 minit ketika waktu puncak.

"MBSA memilih laluan Seksyen 19 ke Seksyen 7 kerana agak popular dan mendapat permintaan tinggi dengan 43,000 penumpang sebulan.

"MBSA memperuntukkan hampir RM5.6 juta untuk tempoh tiga tahun bagi menjayakan khid-

mat ini," katanya ketika ditemui selepas melancarkan bas elektrik bagi program SMART Selangor di Hentian Bas Seksyen 19, di sini semalam.

Selain MBSA, Majlis Bandaraya Petaling Jaya juga menggunakan dua bas EV pada tahun lalu sebagai projek rintis ke arah menjadikan Petaling Jaya bandar bebas karbon menjelang 2030.

Penggunaan bas EV bagi menggantikan bas konvensional antara inisiatif kerajaan negeri bagi mempercepat peralihan tenaga di Selangor selaras agenda pelepasan karbon sifar bersih.

Sejak 2015, kerajaan negeri memperkenalkan program Bas Smart Selangor dan dilaksanakan secara konsisten di semua kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT), merangkumi keseluruhan 60 laluan dan pengoperasian 164 bas.



Amirudin menaiki bas elektrik selepas melancarkan program SMART Selangor di Hentian Bas Seksyen 19 Shah Alam, semalam.

(Foto Faiz Ameer/BH)



Orang ramai menaiki bas SMART Selangor ketika pelancaran di Hentian Akhir Bandar, Seksyen 19, Shah Alam, semalam.

3.	TAJUK	MP SEPANG TUTUP DUA TAPAK BUANG SAMPAH HARAM
	SUMBER	BH (25 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)



MPSepang mengambil tindakan segera menutup laluan masuk ke tapak sampah haram di Kampung Semarang dan Jalan Lama Dengkil. (Foto ihsan MPSepang)

MPSepang tutup dua tapak buang sampah haram

Pihak berkuasa kesan lokasi di Jenderam, Dengkil beroperasi sejak 2 bulan lalu

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Sepang: Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) mengesan dua lokasi dijadikan tempat pembuangan sampah secara haram, masing-masing di Kampung Semarang di Dengkil dan Jalan Lama

Dengkil di Jenderam, dekat sini. Timbalan Yang Dipertuanya, Muhammad Shah Osmin, berkata pihaknya komited menangani isu berkenaan demi kesejahteraan penduduk selepas kawasan itu dikesan mula dijadikan tempat pembuangan sisa binaan dan sampah domestik sejak dua bulan lalu. Katanya, tindakan tidak bertanggungjawab itu menimbulkan pelbagai isu alam sekitar dan keselamatan penduduk.

Tutup laluan masuk
 Berikutan itu, katanya, MPSepang sudah mengambil langkah drastik menutup dua kawasan itu dengan menggali lubang serta meletakkan batu penghadang ja-

lan bagi menghalang lori sampah memasuki lokasi berkenaan. Katanya, penguat kuasa MPSepang juga sudah menjalankan operasi meroboh pintu pagar dan pondok haram yang dibina di laluan masuk ke kawasan itu. "MPSepang turut menubuhkan Jawatankuasa Kawalan Sampah Haram Daerah Sepang bagi menangani isu pelupusan sampah secara haram, selain bertanggungjawab menyelaras tindakan antara agensi penguatkuasaan," katanya ketika dihubungi, semalam. Beliau diminta mengulas pendedahan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Aiman Athirah Sabu mengenai dua tapak pembua-

ngan sampah haram di kawasan Sepang dan Kuala Langat. Muhammad Shah berkata, penguatkuasaan berterusan diambil MPSepang bermula 2013 dengan mengeluarkan amaran lisan dan notis kompaun kepada individu serta pihak yang melakukan kesalahan. Sehingga kini, katanya, 223 kenderaan disita, 267 notis dan kompaun dikeluarkan kepada pihak terbabit dengan sitaan tertinggi direkodkan pada 2022. Katanya, MPSepang turut memasang kamera litar tertutup di kawasan berpotensi dijadikan tapak pembuangan sampah secara haram, sekali gus sebagai amaran kepada pihak tidak bertanggungjawab.

4.	TAJUK	SINDIKET SIMPAN, PROSES E-WASTE HARAM BERNILAI RM41.41J TUMPAS
	SUMBER	BH (28 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	21(NASIONAL)

Sindiket simpan, proses e-waste haram bernilai RM41.41j tumpas

Seorang lelaki tempatan serta 14 warga asing turut ditahan atas pelbagai kesalahan

Oleh Izz Laily Hussein
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Dua menumpaskan sindiket menyimpan dan memproses barang berjadual sisa elektronik (e-waste) haram membabitkan rampasan bernilai RM41.41 juta selepas menyerbu sebuah kilang di Kampung Baru Senggang, Kulai, di sini.

Ketua Polis Johor, Datuk M Kumar, berkata serbuan Op Taring Landai pada jam 8.15 pagi Selasa lalu dilakukan dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri serta Majlis Perbandaran Kulai (MPKu).

Beliau berkata, polis turut menahan seorang lelaki tempatan, China dan Bangladesh, 10 warga Indonesia termasuk seorang wanita serta dua lelaki Myanmar berusia antara 20 hingga 49 tahun atas pelbagai kesalahan.

"Pelbagai barangan dirampas termasuk 348 guni berisi plat timah, bateri automotif potong

(612 guni), bateri automotif (33 kotak), alat kawalan pencemaran habuk (dua unit), ketuhar pembakar dan sisa komponen elektronik (sembilan guni).

"Turut dirampas ialah 13 bekas takungan berisi air bateri, sisa buangan e-waste (18 tan), bateri (1,290 tan), timah (696 tan), air bateri (13,000 liter) dan peralatan memproses serta melebur e-waste," katanya dalam kenyataan semalam.

Kumar berkata, semua barang rampasan diserahkan kepada JAS untuk siasatan lanjut.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1969/63 kerana berada dan masuk ke Malaysia tanpa pas, Seksyen 34A, Seksyen 34B dan Seksyen 18(1) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta Seksyen 3(1) dan Seksyen 49(2) Undang-undang Kecil Perlesenan Tred Perniagaan dan Perindustrian MPKu 2019.

Kilang sawit tak berlesen

Selain itu, PPM turut menyerbu kilang dipercayai memproses minyak sawit tidak berlesen dan merampas peralatan, lori serta minyak masak dianggarkan bernilai RM1.64 juta di Taman Pasir Putih, Pasir Gudang, di sini, Selasa lalu.

Kumar berkata, seorang lelaki tempatan berusia 38 tahun turut ditahan bagi membantu siasatan.



Sisa e-waste yang dirampas dalam serbuan di Kampung Baru Senggang, Kulai.

(Foto Ihsan PDRM)

"Hasil siasatan awal mendapati kilang itu tidak mempunyai lesen memproses minyak sawit yang terpakai dan kotor. Dalam operasi bersepadu itu, kita merampas 11,200 liter minyak masak yang belum diproses dan 35 tan Palm Oil Mill Effluent (POME)," katanya.

Dalam serbuan itu, polis turut merampas antaranya enam 'square tank', dua tangki besi berkapasiti 40 tan, 36 tong besi

berkapasiti 200 liter, dua lori, sebuah lori tangki, tujuh pam minyak enjin dan masing-masing satu set boiler, pam elektrik, pam compressor serta mesin pemprosesan biodiesel.

Turut dirampas, tujuh enjin pam minyak, 11,200 liter minyak kotor dan terpakai serta 35 tan 'Palm Oil Mill Effluent' (POME).

"Semua rampasan peralatan bagi kegiatan memproses mi-

nyak sawit itu serta lori dianggarkan bernilai lebih RM1.64 juta dan tangkapan serta semua rampasan diserahkan kepada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) untuk tindakan lanjut.

"Siasatan dijalankan MPOB mengikut Peraturan 5 yang juga satu kesalahan di mengikut Peraturan 21, Peraturan-peraturan MPOB (Pelesenan) 2005," katanya.

5.	TAJUK	CARTEL MAY BEHIND ALL 47 ILLEGAL E-WASTE PLANTS
	SUMBER	NST (28 FEBRUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	10 (NEWS/NATION)

OP HAZARD

CARTEL MAY BE BEHIND ALL 47 ILLEGAL E-WASTE PLANTS

Police exploring possibility that operators of the factories raided are linked

AUSTIN CAMOENS
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

POLICE are looking into the likelihood that a cartel is responsible for all 47 illegal e-waste processing plants raided in a nationwide crackdown earlier this month.

Federal police Internal Security and Public Order Department di-

rector Datuk Seri Azmi Abu Kassim told the *New Straits Times* that part of the investigation would focus on the companies operating these plants.

"We are exploring the possibility that the companies behind these e-waste facilities are linked.

"Based on our current findings, we cannot conclude if these factories were part of a syndicate," he said, adding that further investigation was necessary.

Azmi also said most of these factories were supplied with e-waste smuggled in via the sea.

"That said, we also found that one of the factories raided, in Sarawak, had been buying e-waste from local suppliers.

"The suppliers would collect e-waste from people in the area and sell it to the illegal processing plant."

Azmi added that a collaborative effort involving enforcement agencies was vital to effectively curb these plants.

"The police and Environment Department are always willing to cooperate with other agencies, especially in ensuring that the country and its people are

kept safe at all times.

"We also need support from the other agencies to monitor and curb the smuggling of e-waste into the country," he said.

On Feb 20, federal authorities were reported to be investigating the likelihood of foreign nationals being behind the illegal e-waste factories that were raided.

Azmi had said there was a possibility that these factories were registered to Malaysians who acted as proxies for people abroad.

A staggering RM2.8 billion worth of illegal e-waste was seized by police in the first two months of the year under Op Hazard.

This figure exceeded the RM1 billion in seizures for the entirety of 2024.



Datuk Seri Azmi Abu Kassim

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**